



SEKUMPULAN pelajar SMA Mahmudiah, Hulu Terengganu pulang ke rumah masing-masing selepas sekolah itu ditutup akibat banjir semalam.

- Gelombang kedua banjir melanda Terengganu
- 30 sekolah ditutup

12,000 tidak dapat bersekolah



TIGA pelajar perempuan SMA Mahmudiah, Hulu Terengganu kelihatan hampa selepas mendapati sekolah mereka dinaiki air semalam.

KIRA-KIRA 12,000 pelajar di Terengganu tidak menyangka mereka terpaksa pulang ke rumah selepas sekolah mereka dinaiki air banjir semalam.

Kesemua mereka terpaksa berbuat demikian selepas Jabatan Pelajaran Negeri mengarahkan 30 buah sekolah di Terengganu ditutup ekoran banjir gelombang kedua melanda negeri itu mulai kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi,

Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, para pelajar terbabit akan dibenarkan bersekolah semula selepas banjir surut sepenuhnya.

Ketika banjir melanda minggu lalu, seramai 11,534 mangsa dipindah di tiga negeri di Pantai Timur dan daripada jumlah itu, 6,100 mangsa adalah dari Terengganu.

BERITA DI MUKA 3

Kira-kira 12,000 pelajar gagal memulakan persekolahan akibat gelombang kedua banjir

30 sekolah ditutup akibat banjir

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah.othman@kosmo.com.my

HULU TERENGGANU – Kira-kira 12,000 pelajar gagal memulakan hari pertama sesi persekolahan tahun baru 2013 semalam apabila 30 buah sekolah di Terengganu ditutup akibat banjir gelombang kedua yang melanda negeri itu semalam.



Banjir

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, daripada 31 buah sekolah yang terlibat, 23 buah adalah sekolah rendah dan bakinya tujuh sekolah menengah.

Beliau berkata, daerah Hulu Terengganu mencatatkan jumlah terbanyak membabitkan 12 buah sekolah diikuti daerah Besut sebanyak 12 buah dan masing-masing tiga buah sekolah di Kemaman dan Setiu.

Katanya, sebab sekolah berkenaan ditutup ialah sama ada dinaiki air, menjadi pusat pemindahan sementara atau masih dalam proses pembersihan selepas dijadikan pusat pemindahan dan terputus hubungan.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati kesemua sekolah berkenaan mula dinaiki air sejak kelmarin selain Sekolah Menengah Agama Mahmudiah, Kuala Berang di sini yang mula dinaiki air kira-kira pukul 8 pagi semalam.

Keadaan itu memaksa lebih 900 pelajar, guru dan kakitangan sekolah tersebut pulang semula ke rumah masing-masing apabila air naik memasuki bilik darjah, dewan dan asrama sekolah tersebut.

Pengetuannya, Mohd. Yakin Mahmood memberitahu, pada awal pagi, air hanya kelihatan berdekatan dengan dewan sekolah tersebut serta tidak menjejaskan kawasan lain.

“Tetapi kira-kira pukul 8 pagi, air sudah mula masuk ke bilik darjah dan kawasan-kawasan lain menyebabkan sesi pertama persekolahan terpaksa ditangguhkan,” katanya ketika ditemui di sekolah berkenaan semalam.

Jelasnya, demi keselamatan semua pelajar dan dengan kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (JPNT), para pelajar sekolah itu dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Katanya, sekolah itu akan dibuka



PEGAWAI Pendidikan Besut, Ab. Halim Hassan (kiri) bersama Guru Besar Sekolah Kebangsaan Tok Raja, Jerneh meninjau bilik darjah sekolah itu yang dinaiki air semalam.



BEBERAPA pelajar SMA Mahmudiah, Hulu Terengganu terpaksa pulang apabila sekolah mereka ditutup akibat banjir semalam. – Gambar Azlan Bahrum

semula selepas keadaan pulih.

Salah seorang pelajar sekolah berkenaan, Siti Nurhidayah Sharudin memberitahu, dia agak kecewa kerana terpaksa pulang semula ke rumah akibat bencana alam itu.

“Selepas cuti panjang, saya dan kawan-kawan sangat bersemangat untuk kembali ke sekolah tetapi berlaku banjir pula,” katanya.



KERATAN *Kosmo!* 26 Disember 2012.

INFO Sekolah ditutup akibat banjir

Hulu Terengganu

- Sekolah Kebangsaan (SK) Lubuk Periok
- SK Tengku Ampuan Intan
- Sekolah Menengah Agama (SMA) Mahmudiah
- Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Berang
- SK Kuar
- SK Felda Tersat
- SK Bukit Taduk
- SK Matang
- SK Tengkuwang
- Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Menerong
- SMK Matang
- SMK Jenerih

Besut

- SK Pasir Akar
- SK Tok Raja
- SK Bukit Jerok
- SK Alor Keladi
- SK Kampung Nangka
- SK Tok Dor
- SK Keruakut
- SK Seri Payong
- SK Tenang
- SMK Bukit Payong
- SMK Putera

Kemaman

- SK Padang Kubu
- SK RKT Seberang Tayor

Setiu

- SK Pak Ba
- SK Sungai Las



Pembaca setia Kosmo!



PENGURUS Unit Kajian Strategik Universiti Malaysia Perlis, Raja Shah Erman Raja Arifin.